



WADAH

unisel  
PRESS



**PEMIMPIN  
SERIBU WAJAH**  
HIMPUNAN CERITERA MENGENANG  
SIDDIQ FADZIL

**PEMIMPIN  
SERIBU WAJAH**  
HIMPUNAN CERITERA MENGENANG  
SIDDIQ FADZIL

Penyunting  
Hasri bin Harun

**Penerbit:**

UNISEL Press  
Universiti Selangor,  
Kampus Shah Alam,  
Jln. Zirkon A 7/A, Seksyen 7,  
40000 Shah Alam, Selangor.

**Penerbit Bersama:**

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)  
Anjung Rahmat, Pusat Dakwah dan Tarbiah Wadah,  
No. 7, Lot 2996, Persiaran Makmur,  
Kg. Sg. Merab Luar,  
43000 Kajang, Selangor.

ISBN 978-967-25867-3-9  
Cetakan Pertama 2022

©UNISEL Press

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

PEMIMPIN SERIBU WAJAH: HIMPUNAN CERITERA MENGENANG  
SIDDIQ FADZIL / Penyunting Hasri bin Harun.

ISBN 978-967-25867-3-9

1. Siddiq Fadzil, Dato', Prof., Dr., 1947-2021--Anecdotes.
2. Islamic leadership--Malaysia.
3. Muslim scholars--Malaysia.
4. Educators--Malaysia.

I. Hasri Harun.  
297.61

Muka Taip Teks: Times New Roman  
Saiz Taip Teks: 12pt

**Perunding Penerbitan:**

Aras Mega (M) Sdn. Bhd. 198701005571 (164242-W)  
No. 18 & 20, Jalan Damai 2,  
Taman Desa Damai, Sg. Merab,  
43000 Kajang, Selangor.

**Pencetak:**

Mudah Urus Enterprise Sdn. Bhd.  
No. 143 Jalan KIP 8,  
Taman Perindustrian KIP,  
Bandar Sri Damansara,  
52200 Kuala Lumpur.

# **PEMIMPIN SERIBU WAJAH**

HIMPUNAN CERITERA MENGENANG  
SIDDIQ FADZIL

Pengantar	ix
Prakata	xi
Pengenalan	xiii
<b>Satu</b>	
SIDDIQ FADZIL: NOSTALGIA DAN SUMBANGAN DALAM KENANGAN Mohammad Redzuan Othman	1
<b>Dua</b>	
ISLAH DAN TAJDID MERUBAH UMAT Muhammad Nur Manuty	37
<b>Tiga</b>	
KETOKOHAN YANG SUKAR DICARI GANTI Md Zaki Ab Manan	43
<b>Empat</b>	
INSAN YANG MENDIDIK JIWA UMMATIK SAYA Azami Zaharim	47
<b>Lima</b>	
DIMENSI PEMIKIRAN SEORANG MURABBI UMAT BERJASA Ahmad Kassim	53
<b>Enam</b>	
PENGALAMAN BERSAMA MENYAMPAIKAN MODUL PENGURUSAN TAUHIDIK Jaafar Muhammad	60

<b>Tujuh</b>		
	TOKOH INTELEKTUAL AWAM NUSANTARA	
	Zulkifli Hassan	63
<b>Lapan</b>		
	SIDDIQ FADZIL YANG LANGKA 34 TAHUN	
	ANUGERAH ILAHI	
	Yus'aiman Jusoh @ Yusoff	69
<b>Sembilan</b>		
	MURABBI, SAHABAT DAN KENALAN KELUARGA	
	Abd. Rahman Mohd Yasin	79
<b>Sepuluh</b>		
	PENDIDIK UMAT DAN PENYAMBUNG JALUR DAKWAH	
	DI ALAM MELAYU	
	Megat Mohd Azlan Mohd Arshad	86
<b>Sebelas</b>		
	DI SEBALIK KEJAYAAN PARTI Keadilan Rakyat	
	Mohamad Rafee Malek	93
<b>Dua Belas</b>		
	DR. SIDDIQ MURABBI YANG BERPRINSIP	
	Mustaffa Bakar	101
<b>Tiga Belas</b>		
	PEMIMPIN DISAYANGI DAN DIHORMATI TUA	
	DAN MUDA	
	Hasri Harun	106
<b>Empat Belas</b>		
	MENGENANG JASA DI KOLEJ DAR AL-HIKMAH	
	Ahmad Mujahid Abdullah	110
<b>Lima Belas</b>		
	PRASASTI BUAT SEORANG GURU TUA	
	Firdaus Hamsin	114

<b>Enam Belas</b> HIDUP PENUH BERJASA BUAT UMMAH Mohd Firdaus Khairi	124
<b>Tujuh Belas</b> KENANGAN BERSAMA TOKOH HEBAT Zainul Md. Diyar	130
<b>Lapan Belas</b> RAHSIA PERSAHABATAN YANG TERSIMPAN Anuar Tahir	134
<b>Sembilan Belas</b> PENDEKATAN TASAWUF POLITIK DR. SIDDIQ FADZIL Afriadi Sanusi	136
<b>Dua Puluh</b> ASAL PEMIKIRAN EKONOMI MANUSIAWI Saadiyah Mohamad	141
<b>Dua Puluh Satu</b> KENANGANKU BERSAMA DR. SIDDIQ FADZIL Amidi Abd Manan	150
<b>Dua Puluh Dua</b> SEBUAH KEHILANGAN YANG MENGESANKAN Mustaffa Kamil Ayub	156
<b>Dua Puluh Tiga</b> PELOPOR PENDIDIKAN AL-HIKMAH ABIM Abd Rahman Yassin	159
<b>Dua Puluh Empat</b> PEMIMPIN SERIBU WAJAH Sonny Zuhuda	169
<b>Dua Puluh Lima</b> USTAZ SIDDIQ FADZIL YANG KITA SAYANGI Ahmad Farhan Rosli	173

<b>Dua Puluh Enam</b> MENGHARGAI SUMBANGAN DAKWAH DR. SIDDIQ FADZIL Muhamad Razak Idris	177
<b>Dua Puluh Tujuh</b> PERGINYA SEORANG MURABBI UMAT Mohd Nor Nawawi	181
<b>Dua Puluh Lapan</b> PESANAN BEKERJA KERAS DAN IKHLAS Muhammad Faisal Aziz	189
<b>Dua Puluh Sembilan</b> PENGALAMAN YANG TIDAK TERNILAI Ahmad Azam Ab Rahman	193
<b>Tiga Puluh</b> PUI SI UNTUK MURABBI	200

## DUA PULUH EMPAT

---

### PEMIMPIN SERIBU WAJAH

Sonny Zuhuda

---

**A**tas nama Pimpinan Cabang Istimewa Muhammadiyah (PCIM) Malaysia, saya telah diundang oleh sahabat-sahabat dalam ABIM untuk hadir mewakili Persyarikatan Muhammadiyah untuk menyampaikan testimoni atas wafatnya dua tokoh pergerakan ABIM dan WADAH Malaysia, iaitu Almarhum Ustaz Siddiq Fadzil (USF) dan Almarhum Cikgu Abdul Halim Ismail. Majlis virtual yang dihadiri lebih daripada 250 orang aktivis WADAH, ABIM dan PKPIM itu turut dihadiri oleh perwakilan dari Dewan Dakwah Islamiyah Indonesia Dr. Muhammad Noer.

Seperti yang disampaikan ketua WADAH, 'ormas para alumni ABIM, Dato' Ahmad Azam Ab. Rahman, kedua tokoh yang meninggal ini sama pentingnya bagi pergerakan. Yang berbeza adalah peranan dan posisinya. Jika USF ada di *front* terdepan sebagai presiden ABIM tahun 70-an meneruskan tongkat estafet kepemimpinan Anwar Ibrahim, maka Cikgu Halim sering memposisikan dirinya di belakang layar, memastikan urusan administrasi dan logistik pergerakan berjalan lancar. Hebat, sebuah kebersamaan strategis yang berlanjutan hingga penghujung usia mereka.

Dalam testimoni saya, saya memang lebih banyak menyebut tentang USF tanpa mengurangi penghormatan saya terhadap Cikgu Abdul Halim Ismail. Saya sendiri mengenali USF pertama kali pada tahun 1999 ketika saya menjadi ketua International Students' Society (ISS) IIUM. Saya mengundang beliau ke kampus Gombak untuk mendiskusikan bukunya *Minda Melayu Baru* yang terbit pada tahun 1992. Buku itu sangat popular dalam kalangan teman-



teman pergerakan mahasiswa saat itu, terutama kawan-kawan saya di Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) kala itu. USF menyampaikan paparannya secara lugas atau bersahaja, sejuk dan berjenaka. Sejak itulah saya memiliki kekaguman terhadap ilmu, wawasan dan keperibadian beliau. Saya merasa turut beruntung mengenal dan memiliki tokoh Melayu seperti beliau, apalagi beliau sering berkomentar terhadap sejarah dan perkembangan sosial politik di Indonesia, dan kadang-kadang dengan berbahasa Jawa pula!

Ustaz Siddiq Fadzil adalah pemimpin multi talenta. Beliau dikenal sebagai aktivis mahasiswa, aktivis pergerakan, anggota akademik, profesor berkemajuan, orator berketerampilan dan narator jenaka; beliau juga adalah pendidik, murabbi, pendakwah dan budayawan. Tidak ayal, saya menyebutnya sebagai "Pemimpin Seribu Wajah."

Interaksi USF dengan Muhammadiyah yang saya fokuskan bermula pada pertemuan Buya Prof. Dr. Haedar Nashir, Ketua Umum PP Muhammadiyah dengan USF ketika kami berkunjung ke markas ABIM di Bangi, 1 November 2015. Saat itu, Prof. Haedar baru saja mendapat amanat sebagai Ketua Umum PP Muhammadiyah bagi meneruskan kepemimpinan Prof. Dr. Din Syamsuddin. Pak Haedar menjadikan Malaysia sebagai negara luar pertama yang beliau kunjungi sebagai Ketua Umum organisasi massa moden terbesar Indonesia itu, yang menunjukkan betapa besarnya perhatian beliau untuk merajut hubungan dengan mitra-mitra dakwah dan pergerakan Islam di rantau ini, terutama di Malaysia.

Dalam pertemuan itu, Ustaz Siddiq Fadzil, bersama tokoh lain seperti Dato' Dr. Redzuan Othman, Presiden ABIM, Saudara Muhammad Raimi dan juga Cikgu Abdul Halim Ismail berdiskusi dengan serius namun santai tentang pelbagai prospek dakwah dan kerjasama antara kedua-dua institusi dalam konteks pergerakan dakwah *regional*. Jelas sekali interaksi USF dan Prof. Haedar

Nashir begitu hangat meskipun mungkin itu kali pertama mereka bertemu secara dekat dan rapat.

Dari situ saya bisa katakan, ini pertanda bahawa bahasa dakwah adalah bahasa universal. Ia adalah *lingua franca* lintas batas dan lintas dimensi. Sesiapa pun dan dari manapun anda, jika anda bicara dakwah, mari kita duduk satu meja dan nescaya banyak yang bisa kita kerjakan bersama.

Itulah sebabnya, saya meyakinkan sahabat-sahabat saya aktivis dakwah di Malaysia bahawa Muhammadiyah sentiasa siap dan terbuka untuk bekerjasama dalam pergerakan dakwah dan pendidikan melayani umat dan masyarakat, menjadi berkat dan rahmat bagi seru sekalian alam. Inilah refleksi daripada internasionalisasi Muhammadiyah itu sendiri. Saya juga menyampaikan bahawa ketokohan USF sangat krusial dalam konteks ketahanan hidup pergerakan ABIM di Malaysia. Pada tahun 70 hingga 80-an itu, USF tidak hanya memimpin, namun beliau juga menjadi kubu pertahanan dan pondasi jangkar yang mengukuhkan tapak berdirinya organisasi sehingga tidak mudah terombang-ambing oleh gelora dan dinamika politik sosial di Malaysia saat itu.

Dalam konteks ini, peranan USF dalam ABIM yang saat itu baru saja melepaskan Anwar Ibrahim memasuki kancah politik nasional, tidak ubahnya seperti peranan Buya Syafii Maarif yang tegas menjaga kubu Muhammadiyah selepas merelakan kader dan pemimpin sebelumnya, iaitu Dr. Amien Rais memasuki dunia politik nasional. Peranan mereka inilah yang nyata menjadi kunci survival organisasi dakwah seperti ABIM dan Muhammadiyah sehingga tetap bisa menjalankan roda dakwah sambil mendorong kadernya berkontribusi aktif dalam panggung politik nasional.

Itulah ketokohan Ustaz Siddiq Fadzil yang saya saksikan. Dalam bicara, beliau menggerakkan jiwa raga jemaahnya. Dan dalam diam beliau mengamankan hati nurani kita semua. Kita

memerlukan banyak tokoh seperti USF yang memimpin dengan ilmu, hikmah dan kebijaksanaan. Kini, kita semua merasakan kehilangan itu. Benarlah apa yang orang katakan bahawa kesedaran akan nilai sesuatu atau seseorang itu baru terasa kalau kita kehilangan dia. Kami semua merindukan ketokohan sejuk nan cerdas daripada seorang Ustaz Siddiq Fadzil.

Namun kita sedar, bahawa wafatnya beliau juga menjadi pengingat bagi kita bahawa gerakan dakwah itu bukan gerakan individu yang berhenti dengan wafatnya sang tokoh dakwah. Tidak untuk Muhammadiyah dan saya yakin juga tidak untuk ormas yang teruji waktu seperti ABIM. Tidak dinamakan pergerakan jika dakwah itu bersifat statik. Roda dakwah akan dan harus terus bergerak bersama putaran waktu. Patah tumbuh hilang berganti, mati satu tumbuh seribu. Semoga terus bermunculan sosok-sosok penerus USF dan Cikgu Halim dalam kalangan sahabat-sahabat saya di Malaysia ini. Semoga Allah merahmati Malaysia, ABIM, WADAH, PKPIM dan seluruh bangsa Malaysia dan para pemimpinnya.

